



## KENYATAAN TENDER

**KERJA – KERJA PENGGANTIAN BAHARU SISTEM LIF DI BANGUNAN KUARTERS KERAJAAN PANGSAPURI  
FASA 18R4 & 18R8 PRESINT 18, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA  
NO. TENDER : PPjT/ JB/25/2024**

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor/Syarikat Tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam gred kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
<p style="text-align: center;"><b>Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Gred : G7</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Kategori : ME</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Pengkhususan : M03 (Lif dan Eskalator)</b></p>	<p style="text-align: center;"><b>2 Mei 2024 (Khamis)</b></p> <p style="text-align: center;"><b>10.00 pagi</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Panggung Mawar Sari, Aras 3, Bangunan Annexe 2, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, Wilayah Persekutuan Putrajaya</b></p> <p style="text-align: center;"><b>(DIWAJIBKAN)</b></p>	<p style="text-align: center;"><b>2 Mei 2024 (Khamis)</b></p> <p style="text-align: center;">sehingga</p> <p style="text-align: center;"><b>15 Mei 2024 (Rabu)</b></p> <p style="text-align: center;">Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</p>	<p style="text-align: center;">Ringgit Malaysia <b>RM 500.00</b> (Tidak dikembalikan)</p> <p style="text-align: center;"><b>Tunai / Deraf Bank</b></p> <p style="text-align: center;">Perbadanan Putrajaya</p>	<p style="text-align: center;"><b>23 Mei 2024 (Khamis)</b></p> <p style="text-align: center;"><b>12.00 tengah hari</b></p> <p style="text-align: center;">Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya</p>

3. Kontraktor/Syarikat juga mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti berpengalaman sebagaimana tajuk projek.
4. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
5. Taklimat tender akan diadakan pada **2 Mei 2024 (Khamis), 10.00 pagi** di **Panggung Mawar Sari, Aras 3, Bangunan Annexe 2, Kompleks Perbadanan Putrajaya**. Kehadiran pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama Sijil PPK, SPKK/Sijil PUKONSA/Sijil UPKJ dan Cap Syarikat.
6. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen. Wakil Kontraktor/Syarikat juga hendaklah membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK dan **satu (1) Salinan Sijil PPK dan SPKK/Sijil PUKONSA/Sijil UPKJ**.
7. Tender ini akan ditutup pada **23 Mei 2024** bersamaan hari **Khamis, jam 12.00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender. Dokumen yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
8. Kontraktor hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan.